

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) pihak Kementerian bercadang untuk membina beberapa buah klinik kesihatan di Kawasan Hulu Rajang iaitu di SK Long Urun, Belaga dan di SK Nanga Kain, Kapit; dan
- (b) status pembinaan klinik di Long Busang, Belaga

**Tuan Yang DiPertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk memberi kesihatan yang terbaik kepada penduduk di kawasan Hulu Rajang. Seperti YB sedia maklum, Kawasan **Long Urun** terletak di dalam daerah Belaga mempunyai jumlah penduduk seramai **1893 (tahun 2014)** orang. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh penduduk tempatan di **Long Urun** untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari klinik kesihatan statik yang terdekat.

Pada masa ini keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk setempat dibekalkan oleh Pasukan Klinik Bergerak yang dikelolakan oleh Klinik Kesihatan Sungai Asap dengan kekerapan lawatan perkhidmatan sebulan sekali. Jarak perjalanan dari Long Urun ke Klinik Kesihatan Sungai Asap perlu mengambil satu (1) hingga dua (2) jam perjalanan dengan kenderaan pacuan empat roda. Sehubungan itu, KKM sedang dalam proses untuk mengenalpasti tapak yang sesuai bagi pembangunan sebuah klinik kesihatan di Long Urun.

Manakala, penduduk di **Nanga Kain** (seramai 1000 orang) pula mendapat perkhidmatan kesihatan daripada Pasukan Kesihatan Bergerak KK Nanga Gaat dengan kekerapan dua (2) bulan sekali. Penduduk Nanga Kain perlu mengambil masa dua (2) jam melalui perjalanan sungai untuk ke KK Nanga Gaat. Buat masa ini, KKM sedang berusaha untuk menambah kekerapan perkhidmatan kesihatan daripada Pasukan Kesihatan Bergerak kepada sebulan sekali. Cadangan pembinaan klinik Kesihatan di Nanga Kain akan dipertimbangkan sekiranya ada keperluan di masa hadapan.

Perlu dimaklumkan juga, Projek Klinik Kesihatan Jenis enam (6) Long Busang beserta Kuarters telah diluluskan pelaksanaannya dalam rolling plan 4 RMK 10 (2015). Kerja-kerja pemetaan dan pengukuran tapak telah dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Buat masa ini, pihak JKR Sarawak sedang menyediakan cadangan pelan tapak berdasarkan pelan piawai KK6 JKR. Projek ini jangka ditender pada penghujung tahun ini 2016.